

TEKS UCAPAN

Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM

NAIB CANSELOR UTeM

**PEMBUKAAN PILIHAN RAYA KAMPUS 2019/2020
PPPK, 8.30 PAGI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam
Sejahtera

**Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Nurulfajar bin Abd
Manap**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar

Yang Berusaha Encik Mohd Isa Mohd Dom

Ketua Pegawai Maklumat

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Hidayat bin Zainudin

Pengarah PPSKR

Yang Berusaha Saudara Ammar bin Jamaludin

Pengerusi Jawatankuasa Pilihanraya Kampus

Hadirin Hadirat yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, pada pagi ini kita dapat bersama-sama bagi melaksana dan menjayakan Pilihanraya Kampus Universiti Teknikal Malaysia Melaka bagi sesi 2019/2020.

2. Walaupun kita semua berada di dalam norma baharu PKPP, yang mana siswa dan siswi tidak berada di kampus, tetapi tanggungjawab untuk mengadakan pilihan raya kampus tetap perlu diteruskan, bagi memastikan kesinambungan legasi kepimpinan mahasiswa UTeM.

3. Saya difahamkan bahawa proses PRK pada kali ini dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian melalui SMP dan Aplikasi MyUTeM, yang merangkumi semua proses bermula dari fasa berkempen bagi calon-calon yang bertanding sehinggalah ke peringkat membuang undian.
4. Alhamdulillah, kejayaan melaksanakan proses PRK pada kali ini telah meletakkan UTeM sebagai Universiti Awam pertama yang menjalankan proses PRK sepenuhnya secara atas talian.

5. Bagi pihak pengurusan Universiti, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pilihanraya Kampus dan semua PTj yang terlibat kerana telah memberi sokongan sepenuhnya dan menjayakan PRK pada hari ini.

6. PRK merupakan satu proses pemilihan yang amat penting bagi Universiti ini kerana menerusi platform ini kepimpinan mahasiswa dibentuk seterusnya melayakkan mereka yang berjaya untuk dilantik sebagai MPP yang menjadi pengantara utama suara mahasiswa dan pengurusan Universiti.

7. Justeru, saya amat mengharapkan agar semua mahasiswa dan mahasiswi UTeM dapat melunaskan tanggungjawab masing-masing untuk mengambil bahagian dalam proses undian yang dijalankan ini. Undian anda amat penting dan begitu berharga dalam menentukan bakal pemimpin siswa di Universiti ini.

8. Akhir kata, marilah kita bersama-sama menjayakan Pilihanraya Kampus pada kali ini. Diharapkan agar keseluruhan proses PRK ini berjalan dengan lancar sehingga ke akhirnya, sepertimana yang telah dirancang.
9. Sekian, terima kasih.